

Najib tak dibenar keluar wang lebih RM100,000 sebulan

IMDB, anak syarikat peroleh injuksi halang bekas PM lupus aset di Malaysia

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: 1Malaysia Development Bhd (1MDB) dan sebuah anak syarikatnya memperoleh perintah injuksi daripada Mahkamah Tinggi di sini, yang menghalang Datuk Seri Najib Razak melupus atau mengurangkan nilai mana-mana asetnya di Malaysia sehingga AS\$681 juta.

Berdasarkan dokumen perintah yang diperoleh media, bekas Perdana Menteri itu juga tidak dibenarkan mengeluarkan wang melebihi RM100,000 sebulan daripada akaun bank untuk perbelanjaan sara hidup biasa dan perbelanjaan guaman.

Perintah dikeluarkan Pesuruhjaya Kehakiman, Atan Mustaffa Yussof Ahmad, menerusi prosiding Zoom selepas membenarkan permohonan injuksi mareva sebelah pihak yang dimohon 1Malaysia Development Berhad

(1MDB) dan anak syarikatnya Global Diversified Investment Company Limited (sebelum ini dikenali sebagai 1MDB Global Investments Limited).

Perintah itu berkuat kuasa sementara menunggu keputusan akhir kes saman sivil AS\$8 bilion difailkan 1MDB dan empat anak syarikatnya terhadap Najib dan bekas pengurusan kanan 1MDB.

Mengikut perintah itu, jika Najib memerlukan lebih daripada RM100,000 sebulan, beliau perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada peguam 1MDB dan Global Diversified yang bertindak sebagai plaintif pertama dan kelima dalam kes saman sivil berkenaan.

Jika tiada kebenaran bertulis diberikan, Najib boleh memohon dan mendapatkan kebenaran mahkamah.

Perintah itu juga antara lain menyebut, Najib mesti membuat pendedahan secara bertulis kepada 1MDB dan Global Diversified berhubung asetnya sehingga pada nilai AS\$681 juta sama ada di dalam atau di luar negara, sama ada di bawah namanya sendiri atau tidak, dan sama ada milikan secara tunggal atau se-

cara bersama defendan lain.

Beliau mesti memberikan nilai, lokasi dan segala maklumat aset dan maklumat itu perlu disahkan melalui affidavit dan disampaikan kepada peguam plaintif pertama dan kelima.

Jika keseluruhan nilai bebas daripada gadaian atau apa-apa sekuriti asetnya di negara ini melebihi AS\$681 juta, Najib boleh mengalihkannya atau melupuskan aset itu asalkan jumlah nilai tanpa beban kekal tidak kurang daripada AS\$681 juta.

Perintah terbabit juga menyatakan, mana-mana individu dalam prosiding ini atau sebaliknya, yang dimaklumkan mengenai perintah berkenaan tidak seharusnya membantu atau membenarkan pelanggaran perintah atau boleh dikenakan tindakan menghina mahkamah jika berbuat demikian.

Tuntutan saman AS\$8 bilion itu satu daripada 22 saman sivil difailkan untuk menuntut lebih AS\$23 bilion bagi pihak 1MDB dan bekas anak syarikatnya, SRC International terhadap beberapa individu yang didakwa terbabit dalam skandal kewangan itu.



Najib Razak